

CNS1520

R SB 28-07 00231 BA942

aab

Mahathir - Taekwondo

SENI MEMPERTAHANKAN DIRI BAIK UNTUK NEGARA, KATA MAHATHIR

I

KUALA TERENGGANU, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata seni mempertahankan diri, yang menutamakan disiplin dan kawalan diri sebagai keperluan asasnya, berquna dalam membentuk perwatakan sesebuah negara.

Berucap merasmikan Kejohanan Taekwondo Sedunia Kesembilan di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini hari ini, beliau berkata seni tersebut boleh membentuk generasi muda menjadi lebih bertanggunjawab dan memiliki kualiti-kualiti yang diperlukan untuk pembangunan negara dan pemupukan nilai-nilai kemanusiaan.

"Dalam dunia hari ini yang mana mereka yang lemah dan tidak berupaya ditindas secara terang-terangan, ia menjadi tanggunjawab sosial kita untuk menyemai dan memupuk di kalangan generasi muda satu pemahaman mengenai apa yang betul dan yang salah dan betapa perlunya mereka mendukung nilai-nilai moral yang baik," katanya.

"Walaupun ini bukanlah tempat untuk bercakap mengenai isu berfalsafah seperti itu, kehadiran kontijen-kontijen hari ini meningkatkan saya tentang harapan bagi masyarakat antarabangsa untuk melakukan sesuatu yang betul daripada sudut moral, terutama apabila sebegitu banyak manusia di merata dunia dipaksa melarikan diri atau disembelih hidup-hidup," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Yang Dipertuan Muda Terengganu Tengku Mizan Zainal Abidin, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabaruddin Chik dan pengasas serta presiden Persekutuan Taekwondo Antarabangsa (ITF) Jeneral Choi Hong Hi. -- laqi

▼28/07/13-14ST

CNS1538

R SB 28-07 00214 BA943

aab

Mahathir - Taekwondo 2 (akhir) Kuala Terengganu

Mengenai kejohanan itu, Dr Mahathir berkata penanganjuran acara sebegini besar merupakan satu cara yang baik untuk memperkenalkan Terengganu kepada peserta-peserta dan perwakilan luar negara terutama daripada segi kedudukannya yang strategik.

"Kejohanan yang diadakan di sini boleh menyumbang kepada usaha-usaha kerajaan negeri untuk menggalakkan bukan sahaja pelancongan tetapi juga pelaburan dari dalam dan luar negara di kawasan Pantai Timur pada amnya dan khususnya di Terengganu," tambahnya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata ia juga menyumbang kepada pengekukan hubungan antara Malaysia dan negara-negara lain, terutama dalam usaha merapatkan jurang kebudayaan antara negara-negara.

"Saya difahamkan bahawa taekwondo di Malaysia bertapak pada 1963 bila Jeneral Choi menjadi duta pertama Korea (Utara) ke Malaysia. Hari ini ia mempunyai lebih 100,000 anggota, saya percaya kejohanan ini akan menjadi satu majlis selamat pulang yang istimewa kepada beliau. Usaha awalnya memperkenalkan taekwondo di Malaysia terbukti satu kejayaan besar," katanya.

Dr Mahathir berharap peserta dan perwakilan ke kejohanan ini akan meluangkan masa untuk melihat dan menikmati keindahan Pantai Timur dan membawa pulang kenangan manis dari Terengganu dan Malaysia.

Lebih daripada 800 pegawai dan peserta dari 72 buah negara mengambil bahagian dalam kejohanan empat hari yang akan diadakan di Stadium Negeri.

-- Bernama

AR SIA

▼28/07/13-29ST